

**PEMBANGUNAN EKONOMI WILAYAH PANTAI TIMUR: SATU KONSEP
TEORI DAN PERLAKSANAAN PEMBANGUNAN DI NEGERI KELANTAN
(EASTERN CORRIDOR ECONOMIC REGION : A THEORETICAL CONCEPT AND
IMPLEMENTATION OF DEVELOPMENT IN KELANTAN)**

*REMALI YUSOFF, DULLAH HJ. MULOK, NOR' AZURAH MD KAMDARI & MOHD FAHMY
ABDULLAH*

ABSTRAK

Objektif utama kajian ini adalah untuk membincang konsep teori pembangunan dalam menentukan hala tuju pembangunan di Wilayah Ekonomi Pantai Timur, iaitu khususnya terhadap negeri Kelantan. Kajian ini akan menentukan apakah faktor-faktor penting yang akan menyumbang kepada pembangunan negeri Kelantan secara menyeluruh. Justeru itu, dalam kajian ini akan mengemukakan dan membincangkan peranan Teori Pertumbuhan Baru. Satu kerangka konseptual yang komprehensif terhadap pembangunan wilayah akan diketengahkan dan akan memberi beberapa cadangan faktor-faktor penyumbang kepada pembangunan wilayah terutama terhadap negeri Kelantan. Kajian ini mendapati faktor utama yang perlu ada dan akan menyumbang kepada pembangunan pesat dan mapan terhadap pembangunan wilayah dan negeri Kelantan ialah, kemudahan infrastruktur berimpak tinggi, pembangunan modal insan kearah k-ekonomi (k-economy), peranan penyelidikan & pembangunan dan dasar-dasar kerajaan negeri yang menyokong kepada pembangunan adalah faktor penentu penting kepada pembangunan wilayah dan negeri Kelantan khususnya.

Kata kunci: pembangunan ekonomi; pembangunan wilayah; ekonomi koridor.

ABSTRACT

The main objective of this study is to discuss the concept of development in theory determining the direction of development in the East Coast Economic Region, i.e. specifically in Kelantan. This study tries to determine the important contributing factors for development in Kelantan. Thus, this study will introduce and discuss the role of the New Growth Theory. A comprehensive conceptual framework on regional development will be presented as well as suggestions in contributing factors of regional development especially to Kelantan. This study finds the important main factors that contribute to rapid and sustainable development on regional development and to Kelantan are high impact infrastructural facilities, human resource development toward k-economy, role of research and development and state government policies that support development are the important determinants in regional development, and specifically to Kelantan.

Keywords: economic development, regional development, economic corridor

1. Pendahuluan

Wilayah Ekonomi Pantai Timur (East Coast Economic Region) atau ECER merupakan wilayah pembangunan ekonomi di Malaysia yang dirasmikan pada hari Selasa, 29 Oktober 2007 oleh Perdana Menteri Malaysia, Dato Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi. Program atas inisiatif kerajaan pusat ini merupakan program ekonomi ketiga selepas Wilayah

Pembangunan Iskandar (WPI) di Johor dan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) di utara Semenanjung Malaysia. ECER melibatkan tiga buah negeri di Pantai Timur Semenanjung Malaysia iaitu Pahang, Terengganu dan Kelantan serta daerah Mersing di Johor. Luas kawasan yang terlibat ialah 66,736 kilometer persegi atau 51 peratus daripada keluasan Semenanjung Malaysia. ECER melibatkan 3.9 juta penduduk.

Pembangunan ECER ini adalah selama 12 tahun dari tahun 2007 hingga 2020. Peneraju utama ialah perbadanan minyak dan gas iaitu Petronas. Ini bertujuan untuk merubah wilayah ini menjadi tumpuan utama pelancong dalam negeri dan antarabangsa, keluaran perkilangan yang berasaskan sumber, pusat perdagangan yang aktif dan sebagai hab logistik dan infrastruktur yang utama. Perancangan utama dibawah ECER juga adalah bertujuan untuk mengurangkan kadar kemiskinan, meningkatkan pendapatan dan pengagihan secara lebih tepat dan berterusan.

Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) yang kaya dengan sumber semulajadi, warisan dan budaya merupakan asas untuk memajukan ekonomi kepada suatu keadaan ekonomi yang dapat bersaing dan maju sama ada diperingkat serantau dan global dan juga berasaskan kepada liberalisasi ekonomi.

1.1 *Pembangunan Negara dan Wilayah Ekonomi Pantai Timur*

Malaysia telah mencapai kemerdekaan lebih daripada 50 tahun dan kita dapat melihat negara telah melalui pelbagai kejayaan dan kemajuan. Namun begitu, kita dapat melihat corak atau pola pembangunan yang tidak seimbang di antara wilayah, bandar dan luar bandar di Malaysia. Justeru itu, demi kesenambungan persekutuan Malaysia, keharmonian dan perpaduan usaha-usaha yang lebih gigih dan berterusan adalah amat perlu dalam konteks pembangunan negara supaya semua lapisan masyarakat dapat menikmati pembangunan ekonomi negara secara adil dan saksama. Justeru itu, lahirlah visi kerajaan untuk membawa perubahan di negeri-negeri Pantai Timur melalui Rancangan Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER). Rancangan Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (WEPT) melangkaui masa 2007-2020. Rancangan pembangunan seacra umumnya adalah:

Pelan kerajaan untuk membawa perubahan dalam bentuk pembangunan yang unik, dinamik dan berdaya saing melalui projek dan inisiatif berimpak tinggi. Negeri yang terlibat ialah Kelantan, Terengganu, Pahang dan daerah Mersing di Johor. Bertujuan menyeimbangkan pembangunan di Pantai Timur selari dengan arus pembangunan perdana negara.

Menambahbaik taraf hidup masyarakat dengan mempertingkatkan pendapatan isi rumah, membuka peluang-peluang pekerjaan dan perniagaan, disamping menjana pembangunan modal insan melalui pendidikan baru. Mempertingkatkan infrastruktur asas wilayah demi memberi kemudahan, keselesaan dan taraf hidup lebih berkualiti.

Jalinan kerjasama erat diantara Kerajaan dan sektor swasta. Kerajaan menyediakan kemudahan infrastruktur untuk menggalakkan pelaburan swasta dan menjadi penjana aktiviti ekonomi utama.

1.2 *Strategi Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur*

Rancangan Pembangunan ECER dirangka dengan bertujuan dan memastikan penduduk dan wilayah ini mencapai status wilayah maju menjelang tahun 2020. Justeru itu, Rancangan pembangunan WEPT akan:

- (a) Memperkukuhkan asas-asas ekonomi dengan memperkasakan pembangunan sektor industri, sektor perkhidmatan dan sektor pertanian,

- (b) Memperkenalkan sektor pembangunan baru secara berkelompok,
- (c) Mempertingkatkan pelaburan domestik serta asing,
- (d) Mempertingkatkan jaringan ekonomi antara wilayah, dan
- (e) Mempertingkatkan produktiviti dan penggunaan teknologi baru.

2. WEPT Sebagai Wadah Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat

Pembangunan WEPT dirangka dengan perhatian khusus terhadap usaha mengurangkan kemiskinan kadar kemiskinan serta meningkatkan taraf hidup golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana. Rancangan ini berusaha untuk mengurangkan kadar kemiskinan melalui usaha mempertingkatkan pendapatan, mempelbagaikan peluang pekerjaan dan pembangunan keusahawanan melalui industri kecil dan sederhana tempatan.

Di samping itu juga WEPT akan dibangunkan khusus berasaskan keusahawanan kerana ini berdasarkan ciri-ciri masyarakat pantai timur yang mempunyai budaya keusahawanan dan perniagaan. Rancangan pembangunan WEPT menitikberatkan tentang sifat keusahawanan, terutamanya usahawan Bumiputera. Ini dilakukan dengan menyediakan kemudahan infrastruktur bagi membolehkan mereka mengembangkan perniagaan mereka ke tahap yang lebih maju. Justeru itu, rancangan pembangunan WEPT ini akan memperkasakan industri kecil dan sederhana melalui kerja-kerja berkemahiran tinggi, profesional dan pengurusan yang baik. Ini patut dilakukan terutamanya dalam membangunkan tanah rezab Melayu.

Kerangka atau model yang digunakan untuk menjelaskan dan merongkai persoalan-persoalan pembangunan WEPT adalah berdasarkan kepada Teori Pertumbuhan Baru (The New Growth Theory). Kerangka ini dipilih kerana ia bertepatan dengan cadangan teori ini dan keperluan yang perlu diadakan untuk tujuan pembangunan WEPT. Teori ini mencadangkan empat perkara penting yang perlu di ambil oleh mana-mana masyarakat atau negara untuk memenuhi, mempercepatkan dan kelestarian dalam pembangunan. Di antara cadangan-cadangan itu ialah pelaburan dan pembangunan terhadap sumber insan (investments and development of human capital); menyediakan kemudahan infrastruktur yang lengkap (complete infrastructure); penyelidikan dan pembangunan (research and development); and memberi cadangan membuat dan melaksanakan dasar-dasar awam yang menyokong ke arah pembangunan ekonomi.

Berpandukan kepada cadangan teori ini, terutamanya kepada negara-negara sedang membangun (seperti Malaysia) terutamanya di WEPT. Langkah-langkah berikut perlu dilaksanakan terutamanya di Kelantan, iaitu;

- (i) pelaburan dan pembangunan sumber insan – ini dapat dilakukan dengan menubuhkan sekurang-kurangnya sebuah pusat pengajian tinggi yang bertaraf universiti. Di samping itu juga perlu diwujudkan lain-lain pusat pengajian dan latihan yang boleh menyokong pembangunan WEPT dan Kelantan khususnya seperti Pusat Latihan Perindustrian, Politeknik, Pusat Latihan Belia dan sekolah-sekolah yang berkapasiti tinggi.
- (ii) penyelidikan dan pembangunan – ini dapat dilaksanakan dengan menyediakan pelbagai pusat penyelidikan dan pembangunan terkini dan termaju bagi menghasilkan inovasi dan pembaharuan dalam menyediakan benih-benih tanaman yang tahan daripada penyakit dan dapat memberi hasil keluaran yang lebih tinggi.
- (iii) kemudahan infrastruktur – ini termasuklah menyediakan kemudahan sistem lebuhraya (expressway) dan jalinan jalan raya yang termaju menghubungkan antara pusat-pusat pertumbuhan, lapangan terbang antarabangsa, jalinan jalan kereta api yang terkini, system perhubungan maya (seperti internet) dan juga pelabuhan.

- (iv) dasar awam yang menggalakkan dan menyokong ke arah pembangunan ekonomi – ini termasuklah dasar memudahcara dalam semua urusan untuk tujuan pelaburan dalam dan luar negeri. Undang-undang dan polisi yang menyokong kuat kerja sama di antara sektor kerajaan dan swasta. Pada masa yang sama menentukan dasar yang adil, telus dan berkemampuan untuk menggalakkan peranan besar sektor swasta dalam menjana ekonomi.

2.1 Teras Utama Pembangunan WEPT

Pada dasarnya rancangan pembangunan WEPT memberi tumpuan kepada lima sektor teras yang utama, ini berdasarkan kepada faktor-faktor khusus dayasaing dan kelebihan sumber di wilayah ini. Lima sektor teras utama itu adalah seperti berikut:

2.1.1 Pertanian

Sektor ini akan diperkembangkan, mempelbagaikan dan menambahnilai industri asas tani, ini akan dilakukan melalui memepingkatkan pengeluaran dan pendapatan petani melalui inisiatif ladang secara bersepadu dan mini estet. Ini dapat dilakukan juga melalui pembekalan benih yang lebih baik dan terutamanya terhadap industri padi di wilayah WEPT. Memperkenalkan tanaman dan baka ternakan baru dengan nilai tambah yang lebih tinggi. Pada masa yang sama dengan menambahnilai dan mempelbagaikan hasil sektor pertanian dan akuakultur. Ini dapat dilakjukan dengan membina jaraingan pasaran serantau dan peringkat global yang lebih besar dan teratur.

2.1.2 Pelancongan

Pembangunan pelancongan akan lebih diutamakan kepada bidang pelancongan pesisiran pantai dan pulau. Ekopelancongan serta pelancongan kebudayaan dan warisan. Ini termasuk juga pelancongan yang berasaskan pelancongan pertanian dan lintas sempadan. Disamping itu penggalakkan tambahan juga akan diberikan terhadap 'homestay programmes and terhadap sambutan-sambutan utama dalam perayaan.

2.1.3 Minyak, gas dan petrokimia

Membuka peluang pekerjaan dalam industri sokongan dan sampingan, terutamanya industri kecil dan sederhana didalam industri plastik dan lain-lain.

2.1.4 Pembuatan

Meningkatkan aktiviti nilai tambah serta membangunkan industri-industri baru untuk menjana peluang pekerjaan dan pendapatan yang lebih tinggi.

2.1.5 Pendidikan

Melalui memperbanyakkan kemudahan pendidikan terutamanya institusi pendidikan tinggi, membuka lebih banyak peluang latihan kemahiran dan demi merapatkan jurang celik teknologi maklumat.

3. Pembangunan Khusus dan Senarai Projek Utama di Kelantan di Bawah WEPT

Kelantan sebuah negeri di pantai timur Malaysia yang berhadapan dengan Laut China Selatan dan meliputi kawasan seluas 14,922 kilometer persegi. Kelantan mempunyai 10 jajahan yang utama iaitu; Kota Bahru, Tumpat, Pasir Mas, Bachok, Rantau Panjang, Pasir Puteh, Tanah Merah, Machang, Kuala Krai, Jeli dan Gua Musang. Kelantan terdiri daripada tanah rendah yang subur dan terdapat kawasan penanaman padi, kelapa dan kawasan penempatan nelayan. Negeri Kelantan juga sebahagian besar daripada masyarakatnya masih mengamalkan budaya Melayu.

3.1 Koridor Tempatan WEPT dan Projek Utama bagi Kelantan

Koridor tempatan adalah sebagai pelengkap kepada koridor pembangunan utama di bawah WEPT. Koridor tempatan ini amat penting kerana ianya akan menentukan asas projek bersepadu yang akan dilaksanakan untuk setiap negeri. Setiap koridor tempatan mempunyai fokus yang tertentu berdasarkan kepada kelebihan dan daya saing bagi setiap kawasan. Ini juga bertujuan untuk mewujudkan suatu kelompok integrasi dapat dilaksanakan dalam pelaksanaan projek di bawah setiap koridor.

Di antara projek-projek utama yang akan dilaksanakan di Kelantan dibawah pelaksanaan WEPT ialah pembangunan Universiti Malaysia Kelantan, Taman perikanan Tok Bali, Hab halal Pasir Mas, Pusat Bandar Kota Bharu dan pembinaan Fasa III Lebuh raya Pantai Timur.

Bandar-bandar dan pusat-pusat utama yang terlibat dalam pembangunan koridor tempatan dan pelaksanaan projek pembangunan di Kelantan ialah Kota Bahru, Tumpat, Bachok, Tok Bali, Rantau Panjang, Bukit Bunga, Jeli, Machang, Kuala Krai, Gua Musang dan Lojing. Setiap bandar dan pusat pembangunan dan pelaksanaan koridor tempatan ini menggabungkan peranan setaip bandar dan pusat berdasarkan kepada aktiviti ekonomi utama. Konsep setiap pembangunan bersepadu ini dapat di jelaskan seperti berikut:

3.1.1 Kota Bharu –Bachok-Tok Bali –Kuala Besut

Perlaksanaan pembangunan bersepadu kawasan ini adalah lebih berasaskan kepada pendidikan, pertanian dan pelancongan. Pusat bandaraya Kota Bharu akan dibangunkan sebagai pusat perdagangan, perniagaan dan pelancongan bandar yang bercirikan warisan dan kesenian. Bachok, Tok Bali dan Kuala Besut berasaskan kepada pelancongan pesisir pantai, pulau dan pembangunan berasaskan pendidikan. Ini dilaksanakan dengan adanya Kampus Kesihatan Universiti Sains Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Malaysia Kelantan, Universiti Darul Iman Malaysia dan Universiti Malaysia Terengganu.

3.1.2 Rantau Panjang – Pasir Mas – Kota Bharu – Tumpat (Pengkalan Kubor)

Strategi pembangunan bersepadu kawasan ini adalah lebih kepada pelancongan, perniagaan & perdagangan, serta pendidikan. Pada dasarnya Kota Bharu akan menjadi pusat perdagangan utama bertaraf metropolitan khususnya dalam perkhidmatan kewangan serantau, pelancongan, penjagaan kesihatan, pendidikan dan perniagaan borong dan runcit.

Peranan tersebut disokong oleh pertumbuhan bandar atau pusat stelit seperti Tumpat (Pengkalan Kubor) dan Rantau Panjang sebagai pelabuhan darat dan pusat perdagangan bebas di kawasan sempadan. Pasir Mas berfungsi sebagai kawasan industri kecil dan sederhana utama dalam pengeluaran produk-produk halal, iaitu sebagai kawasan hab halal yang utama di bahagian utara Kelantan.

3.1.3 Bukit Bunga – Jeli - Machang


Pembangunan koridor ini akan tertumpu kepada sektor pertanian, perdagangan dan pendidikan berdasarkan kepada sumber-sumber yang ada dan daya saing di kawasan ini. Melalui pembangunan sektor pertanian yang berasaskan teknologi tinggi melalui penghasilan benih baru yang berkualiti tinggi.

Bidang perternakan seperti ternakan ayam, lembu dan kambing akan dimajukan dengan menggunakan kaedah perladangan yang maju dan terkini terutamanya di Jeli dan Machang. Pembangunan industri kecil dan sederhana yang berasaskan sumber kayu seperti getah akan dimajukan juga terutamanya di Machang. Manakala di Jeli atau Bukit Bunga dijadikan sebagai pusat perdagangan dan kawasan bebas cukai. Bukit Bunga dijadikan sebagai salah satu pelabuhan darat utama bersempadan dengan Thailand. Justeru itu, pada masa yang sama ianya menjadi pusat perdagangan dan perniagaan sempadan.

3.1.4 Cameron Highlands – Lojing – Gua Musang – Kuala Krai

Projek agropolitan akan dilaksanakan di Gua Musang bertujuan untuk membasmi kemiskinan. Perlaksanaannya diharapkan berjalan lancar dengan adanya Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR). Pada hakikatnya penubuhan KESEDAR telah banyak merubah kehidupan rakyat di sekitar Gua Musang dan Kuala Krai apabila berjaya memenuhi prasarana fizikal, ekonomi dan pembangunan modal insan.

Tanah Tinggi Lojing, merupakan salah satu khazanah warisan alam yang mempunyai potensi cukup besar bagi memberi punca hasil yang baru kepada rakyat dan negeri. Tanah Tinggi Lojing, malah ketika ianya mula dibangunkan pada tahun 1980-an, Lojing telah mula menampakkan untuk menjadi 'Cameron Highlands' kedua dalam konteks sebagai pusat pengeluaran sayuran dan bunga utama negara. Seperti mana juga 'Cameron Highlands' begitu juga di Lojing, sayuran seperti tomato, cili, kobis, bunga-bunga dan buah dapat tumbuh dengan subur. Justeru itu, Lojing dengan kedudukannya yang strategik akan dijadikan Taman Pertanian Kekal yang mana tanah seluas 1,000 hektar akan ditanam dengan sayur-sayuran dan 'floricuture'.



4. Perbincangan Senarai Projek Utama WEPT di Kelantan

4.1 *Universiti Malaysia Kelantan (UMK)*

Universiti Malaysia Kelantan (UMK) merupakan sebuah universiti awam yang dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Ke-9 dan diluluskan oleh Kabinet Malaysia pada 14 Jun, 2009. Pengambilan pelajar pertama telah dimulakan pada tahun 2007 dan beroperasi di Kampus sementara di Taman Bendera, Pengkalan Chepa, Kelantan. Pada masa kini UMK terdapat tiga fakulti, iaitu Fakulti Agro-Pertanian dan Sumber Semulajadi, Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan dan Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, serta Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Manusia. UMK akan terdapat dua kampus utama yang akan di bina, iaitu kampus induknya di Bachok dan kampus cawangannya di Jeli, Kelantan.

4.2 *Taman Perikanan Bersepadu Tok Bali (PTPB)*

Nelayan di WEPT masih terus dikaitkan dengan kemiskinan apabila kebanyakan daripada mereka hanya merupakan nelayan pesisir yang hidup bergantung sepenuhnya kepada hasil tangkapan harian, sekadar cukup untuk menyara keluarga. Justeru itu, PTPB di Tok Bali, Pasir Puteh yang akan dimajukan di bawah program pembangunan WEPT melalui perancangan jangka panjang yang tersusun akan menjadi titik mula ke arah perubahan lebih besar.

PTPB akan melibatkan beberapa tumpuan asas termasuk pembinaan stesen perikanan laut dalam sam ada di pulau atau dalam bentuk pelantar. Peningkatkan kapal-kapal bagi

membekal hasil tangkapan kepada kapal induk yang dirangkaikan dengan stesen perikanan laut dalam dan taman industri perikanan.

Taman perindustrian perikanan pula akan melibatkan penempatan, pusat pemasaran dan industri sokongan serta komponen perkhidmatan yang menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan.

4.3 Hab Halal Pasir Mas (HHPM)

Sesuai dengan wawasan Malaysia iaitu untuk bertindak sebagai hab halal global dan demi mengambil kebaikannya daripada peningkatan pasaran keluaran halal masa kini. Justeru itu, dibawah strategi projek utama di negeri Kelantan dibawah WEPT ialah berusaha menjadikan Pasir Mas sebagai taman keluaran hab halal bagi makanan dan bukan makanan. Ini akan dapat dilaksanakan apabila dapat memenuhi taraf dan perlaksanaan akreditasi dan pensijilan halal dan diiktiraf diperingkat antarabangsa.

Pusat inkubator juga akan dibangunkan di Pasir Mas bertujuan untuk menarik minat dan membantu usahawan Bumiputera. Inkubator akan dilengkapi dengan kemudahan lengkap termasuk makmal kajian, perkhidmatan latihan dan pembangunan teknologi. Ini akan dilaksanakan melalui bantuan Kementerian Pertanian dan MARA.

4.4 Pusat Bandar Kota Bharu

Ia meliputi pusat sejarah dan pusat perdagangan utama bandar Kota Bharu dan juga termasuk kawasan yang berhadapan dengan sungai Kelantan yang belum dimajukan, yang juga dipanggil Palekbang.

Perancangan utama pembangunan bandar Kota Bharu ini dapat dibahagikan kepada tiga bahagian utama iaitu;

- (i) Pusat Bandar Kota Bharu – ini termasuklah membangunkan pusat bandar sedia ada yang berhadapan dengan sungai Kelantan untuk menggalakkan kegiatan yang berasaskan sungai.
- (ii) Bahagian barat Kota Bharu – ini akan melibatkan kerja-kerja penimbusan tanah bagi mewujudkan pemandangan indah tebing sungai Kelantan melalui pembangunan hotel-hotel, restoran dan lain-lain aktiviti yang berkaitan dengan sungai. Mewujudkan sistem pengangkutan bersepadu dan juga termasuk pembangunan jalan keretapi baru yang dihubungkan dengan jalinan jalan keretapi yang sedia ada.
- (iii) Bahagian utara Kota Bharu – ini akan dimajukan jalan dan membina jambatan baru untuk memajukan sistem perhubungan di antara Tumpat dan Kota Bharu. Kawasan ini akan diwujudkan kampung kraftangan melalui proses latihan dan pembangunan pusat pengembangan kraftangan bersepadu.

Pada umumnya pembangunan pusat bandar Kota Bharu bertujuan untuk mewujudkan satu wilayah pembangunan bersepadu kegiatan yang berkaitan dengan sungai Kelantan. Ini bagi mewujudkan suasana yang harmoni dan pusat membeli belah yang kreatif melalui penyediaan pelbagai kemudahan seperti hotel lima hingga enam bintang yang berasaskan lima budaya (Malayu, China, India, Thai dan Jawa).

Melalui usaha pembangunan bandar ini diharapkan pelbagai peluang perniagaan dapat disediakan termasuklah pembinaan hotel bajet, kedai makanan dan minuman yang berorientasikan tempatan dan asing dan termasuklah juga menyediakan pusat-pusat jualan untuk barangan kraftangan keluaran tempatan yang berasaskan kesenian dan warisan.

4.5 Fasa III Lebu Raya Pantai Timur

Lebu raya pantai timur fasa III yang menghubungkan Kuala Terengganu ke Kota Bharu dan seterusnya ke Tumpat perlulah dipercepatkan pembinaannya untuk memudahkan perhubungan dan pergerakan barangan perniagaan di antara pusat-pusat utama pertumbuhan ekonomi, seperti Kuantan, Kuala Lumpur dan kawasan-kawasan lain dari kawasan pantai barat Semenanjung. Pada dasarnya juga boleh mempercepatkan lagi untuk tujuan pembinaan pelabuhan Tumpat bagi menjana perkembangan ekonomi yang lebih baik di antara Malaysia umumnya dan Kelantan khususnya dengan Indochina dan Timur Jauh (Vietnam, Laos, Taiwan, Korea dan Jepun).

Ini juga dapat mempercepatkan pembangunan dan pelaksanaan pelbagai projek di bawah IMT-GT (kawasan pertumbuhan segitiga Indonesia, Malaysia dan Thailand) bagi faedah serantau secara bersama. Ini adalah amat berkesan sekali terutamanya Kelantan banyak berhubung dengan Selatan Thailand terutamanya dalam pembangunan sektor pertanian dan perikanan. Ini terbukti dengan ramai pengusaha dari negeri Kelantan berdagang dan mengimport barangan melalui pelabuhan Songkhla yang lebih murah dan efisien. Malah penghasilan ikan terutamanya ikan tongkol dari Kelantan dihantar ke Songkhla untuk ditinkan dengan kerjasama kilang Syarikat Siam Food International di Songkhla, Thailand.

5. Kesimpulan

Di bawah WEPT Kelantan akan dijadikan sebagai pusat perdagangan, pusat pembangunan modal insan dan kecemerlangan pendidikan, serta sebagai pusat tanaman herba, perikanan dan penternakan ayam itik. Walau bagaimanapun kejayaan dan keberkesanan WEPT secara umumnya dan Kelantan khasnya adalah banyak dan sangat bergantung kepada kejayaan dan keberkesanan penyediaan kemudahan-kemudahan berikut: (i) Pembangunan infrastruktur dan utiliti terutamanya perhubungan jalan raya perlu dipertingkatkan dengan membina lebu raya dari Kuala Lumpur ke Kota Bharu melalui Gua Musang dan mempercepatkan pembinaan Lebu Raya Pantai Timur (LPT) fasa III dari Kuala Terengganu ke Kota Bharu dan lebu raya peringkat tinggi dari Pulau Pinang ke Kota Bharu. Perancangan lebu raya ini amat penting bukan sahaja untuk Kelantan tetapi juga untuk merealisasikan 'ASEAN Vision 2020', dimana salah satu perancangan perhubungan utama lebu raya dan rel keretapi ASEAN ialah melalui Rantau Panjang. (ii) Pembangunan industri berasaskan pertanian dengan menjadikan Kelantan sebagai pusat pengeluaran makanan halal bukan sahaja diperingkat wilayah tetapi diperingkat antarabangsa. (iii) Pembangunan pusat pelancongan yang unik agar dapat menarik pelancongan domestik dan antarabangsa. Ini perlu dilaksanakan dengan pembangunan industri pelancongan secara bersepadu, serta perlu dijalankan seperti penyediaan penginapan, sistem jalinan pengangkutan yang baik dan sebagainya dengan mengutamakan penduduk tempatan. Justeru itu, kerjasama antara agensi pelancongan perlu dilaksanakan disemua peringkat sama ada domestik, negara-negara IMT-GT, ASEAN dan negara-negara serantau yang lain. (iv) Pembangunan pelabuhan Tok Bali bagi mempertingkatkan industri perikanan dan industri hiliran yang berasaskan ikan, seperti keropok, dan (v) Usahasama perlu dijalankan untuk menerokai dan mengeksploit potensi sumber petroleum dan gas diluar pesisir pantai Kelantan dan Selatan Thailand. Kawasan pesisiran pantai Tumpat dan Bachok berpotensi besar dibangunkan sebagai pusat petroleum dan gas baru di WEPT yang disokong dengan pelabuhan selepas kawasan Kerteh-Paka di Terengganu. Di samping itu juga laluan paip gas dapat disambungkan dari Kerteh ke Tumpat (Kelantan) untuk melengkapi laluan paip gas Pantai Timur.

Berdasarkan perbincangan terperinci fakta-fakta dan maklumat di atas ianya banyak bergantung dengan kehendak kerajaan persekutuan melalui kerjasama kerajaan negeri dalam menentukan segala perancangan dan pelaksanaan pembangunan di WEPT akan berjaya. Dengan kata lain, kehendak yang jitu melalui politik dan dengan niat untuk memajukan dan memertabatkan kemajuan orang Melayu (Islam) dalam erti kata sebenar ianya bergantung kepada kehendak politik (political will) dan perlaksanaannya.

Rujukan

- Abdul Samad, H. 1985. *Penyediaan dan Perkembangan Infrastruktur (Prasarana) Perubahan Dalam Pembangunan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Alan, B. 1995. *Urban Mass Transportation Planning*, Amerika Syarikat: McGraw-Hill Higher Education.
- Anna, N. 2000. *Sustainable Transportation Networks*, United Kingdom: Edward Elgar Publishing Limited.
- Badruddin, A. R., Zulkifli, A. & Nizamuddin, Z. 2003. *In-Campus Bus Transportation Service Quality: Students Expectations and Perceptions*, Malaysia: Universiti Utara Malaysia.
- Bany, A. A. N., Huson, J. A., Junaina, M. & Abu, H. Md. I. 2003. *Guide To Financial Management*, Singapura: Thomson Learning.
- Chin, A. T. H. & Smith, P. 1997. *Automobile Ownership and Government Policy: The Economics of Singapore's Vehicle Quota Scheme*, Transportation Research A. (31):29-40.
- Chua, C. K., Choi, C. C. & Quek, S. K. 1996. *Urban Transport System in Singapore*, Report of the Third Asean-Japan Workshop-Cum-Seminar On Urban Transportation. Kuala Lumpur. 13th – 15th November 1996.
- ECER., Incentives Package
<http://www.ecerdc.com/2008/about7.htm>
- ECER., Food & Halal Product Initiative
<http://www.ecerdc.com/ecerdc/manu-p1.htm>
- ECER., Tourism
<http://www.ecerdc.com/ecerdc/tourism3.htm>
- ECER., Culture & Heritage
<http://www.ecerdc.com/ecerdc/culture-heritage.htm>
- Eugene, F. B. & Joel, F. H. 2001. *Fundamentals of Financial Management*, Amerika Syarikat: Harcourt College Publishers.
- Giannopoulos, G. & Gillespie, A. 1993. *Transport And Communications Innovation In Europe*, United Kingdom: Belhaven Press.
- Hu, Zuli, & Mohsin S. Khan. 1996. Why is China growing so fast?, *IMF Working Paper No. 96/75*, New York, USA.
- Kato, H., Nakajima, Y. & Imai, M. 2002. Payment Mode Choice Model Including Route Choice in Urban Railway Service, *Infrastructure Planning Review*, (19):447-452.
- Kementerian Sumber Manusia. 2007. *Majlis Perasmian Wisma PERKESO*, Malaysia.
- Kerajaan Negeri Kelantan. 2004. *Laporan Teknikal, Strategi dan Konsep Pembangunan, Rancangan Struktur Negeri Kelantan 2003-2020*, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Kelantan.
- Krugman, Paul. 1998. The myth of Asia's miracle, *MIT Working Paper*, Massachusetts, USA.
- Land Transport Authority. 1996. *White Paper: A World Class Land Transport System*, Singapura.
- Lemmers, L. 1993. *Amsterdam to cut back cars in centre: traffic and street layout plan published*, Amsterdam: City of Amsterdam.
- Leong, S. M. 2006. *Sustainable Urban Transport: A Case in Managing Urban Transportation System in Kuala Lumpur City*. Kertas Kerja Sustainable Urban Transport In Asia and The Pacific Region. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Kuala Lumpur. 26th March – 1st April.
- Malaysia. 2006. *Ninth Malaysia Plan, 2006-2010*.
- Michael P. Todaro & Stephen C. Smith. 2009. *Economic Development*, Pearson Addison Wesley, Ninth Edition, New York, USA.
- Mody, Ashoka, & Fang-Yi Wang. 1997. Explaining industrial growth in coastal China: Economic reforms...and what else?, *World Bank Economic Review*, (11):293-325.

- Pembangunan Bandar Kota Bharu. http://www.mpkb.gov.my/menu_frame.htm.
- Pemuliharaan bandar warisan untuk pembangunan pelancongan: kajian kes Melaka & Kota Bharu. www.hbp.usm.my/conservation/research/bandar%20warisan.html - 7k.
- Pascasidang. 2000. *Dimensi Baru Dalam Pertanian Negara*, Seminar Kebangsaan, Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rodrik, Dani. 1996. Coordination failures and government policy: A model with application to East Asia and Eastern Europe, *Journal of International Economics*, (40):1-22.
- Romer, Paul M. 1993. Idea gaps and object gaps in economic development, *Journal of Monetary Economics*, (32):543-573.
- Scottish Executive. 2003. "*Scottish School Travel Advisory Group Report*", Scotland, United Kingdom.
- Scottish Executive. 2004. *Attitudes Towards Car Use And Modal Shift in Scotland*, National Centre for Social Research (NatCen) Scotland and Transport Research Institute. Scotland: Napier University.
- Shigeru, K. 1996. *Urban Land Development Projects and Improvement of Urban Transport Facilities in Japan*, Report on The Third Asean-Japan Workshop-Cum-Seminar On Urban Transportation. Kuala Lumpur. 13th – 15th November 1996.
- Train, K. 1980. A Structured Logit Model of Auto Ownership and Mode Choice. *Review of Economic Studies*, (28):357-370.
- Transport Research Laboratory. 2003. *Factors Affecting Trip Mode Choice*, European Union.
- Utusan Malaysia. 2007. *Membasmi Kemiskinan Menambah Pendapatan*, Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER).
- William, H. G. 2003. *Econometrics Analysis*, New Jersey: Pearson Education.
- Yanagiuchi, T. 1996. *Fukuoka City's Traffic Management*, Report on The Third Asean-Japan Workshop-Cum-Seminar on Urban Transportation. Kuala Lumpur. 13th – 15th November 1996.